

## **BAB 4**

### **KAJIAN EMPIRIKAL**

#### **4.1 Maklumat tentang responden.**

Pengumpulan data ini telah dilakukan di dalam tahun 1994, di sekitar Lembah Kelang. Kajian ini tertumpu kepada pekerja lelaki yang melibatkan 150 orang pekerja Indonesia dan 55 orang pekerja Bangladesh. Data yang dikumpul berdasarkan kepada soalan soal-siasat yang terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :

- a) latar belakang pekerja asing
- b) maklumat pekerja asing di negara asal
- c) pekerja asing semasa di Malaysia.

##### **a) Latar belakang pekerja asing.**

Memandangkan data pekerja asing ini dikumpulkan pada tahun 1994, maka perbandingan umur pekerja tempatan diambil kira hanya pada tahun 1992 dan 1993 (lihat Jadual 1). Perbandingan ini di dapati

bahawa pekerja tempatan lebih kepada lingkungan umur 35-54 tahun iaitu seramai 37 peratus, manakala pekerja Bangladesh hanya 7.3 peratus, dan pekerja Indonesia hanya 8.7 peratus.

#### JADUAL 1:

##### **PERBANDINGAN UMUR PEKERJA TEMPATAN DAN RESPONDEN.**

UMUR	BANGLADESH	INDONESIA	TEMPATAN*	
			1992	1993
	PERATUS	PERATUS	PERATUS	PERATUS
15 KE 24 TAHUN	22.70	32.70	26.10	24.9
25 KE 34 TAHUN	70.00	58.6	31.80	31.90
35 KE 54 TAHUN	7.30	8.70	36.00	37.40
55 KE 64 TAHUN			6.10	5.80
JUMLAH	100	100	100	100

**TEMPATAN\* : JABATAN TENAGA BURUH, JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 1994**

Bagi kedua-dua bangsa pekerja asing ini (Jadual A), peringkat umur mereka tertumpu pada peringkat umur 20-39 tahun iaitu 96 peratus bangsa Bangladesh dan 95 peratus bangsa Indonesia.

## JADUAL A:

### TABURAN UMUR RESPONDEN

KLASSIFASI UMUR / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
19 tahun dan ke bawah	1	1.80	3	2.00
20 tahun ke 29 tahun	43	78.20	115	76.70
30 tahun ke 39 tahun	10	18.20	27	18.00
40 tahun ke 49 tahun	1	1.80	3	2.00
50 tahun dan ke atas	0	0.00	2	1.30
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>	<b>150</b>	<b>100</b>

Kebanyakan pekerja asing ini masih bujang, 78 peratus pekerja Bangladesh dan 72 peratus pekerja Indonesia, manakala peratus yang berkahwin kurang dari 30 peratus bagi kedua-dua bangsa (Jadual A1).

## JADUAL A1:

### STATUS PERKAHWINAN RESPONDEN

STATUS PERKAHWINAN	BANGLADESH		INDONESIA	
	BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
BUJANG	43	78.2	108	72
BERKAHWIN	12	21.8	42	28
<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>	<b>100</b>	<b>150</b>	<b>100</b>

Pendidikan bagi pekerja-pekerja asing ini kebanyakannya adalah berpendidikan rendah, seperti yang disimpulkan oleh Piore, 1979. Kategori pendidikan di bagi kepada empat peringkat (Jadual B): 36 peratus dari pekerja Bangladesh mempunyai pendidikan di peringkat rendah, 20 peratus peringkat menengah, 22 peratus peringkat menengah tinggi dan 16 peratus peringkat universiti. Manakala pekerja Indonesia pula, seramai 43 peratus peringkat rendah, 33 peratus peringkat menengah, 17 peratus peringkat menengah tinggi dan 1 peratus peringkat universiti. Oleh itu, pekerja Indonesia lebih ramai di peringkat pendidikan rendah berbanding dengan pekerja Bangladesh.

#### **JADUAL B :**

##### **TARAF PENDIDIKAN**

PENDIDIKAN/ BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	20	36.40	65	43.33
Sekolah Menengah	11	20.00	49	32.67
Sekolah Menengah Tinggi	12	21.80	25	16.67
Institut Pengajian Tinggi	9	16.35	1	0.67
Tiada berpendidikan	3	5.45	10	6.66
Jumlah	55	100.00	150	100.00

Tumpuan sektor pekerjaan bagi pekerja asing ini agak berbeza (lihat Jadual C) di mana pekerja Bangladesh ramai tertumpu di sektor perkilangan, iaitu seramai 93 peratus, manakala tumpuan pekerja Indonesia yang ramai ialah di sektor pembinaan iaitu 61 peratus.

#### **JADUAL C:**

##### **SEKTOR PEKERJAAN DI MALAYSIA**

JENIS SEKTOR / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perkilangan	51	92.70	0	0.00
Perkhidmatan	3	5.50	8	5.33
Pembinaan	1	1.80	92	61.34
Perlادangan	0	0.00	50	33.33
Jumlah	55	100	150	100

Kebanyakan pekerja Bangladesh ini hanya berada di Malaysia sejak tahun 1990, manakala pekerja Indonesia, ada yang telah berada di sini sejak tahun 1978 lagi (Jadual C1). Namun begitu, bilangan pekerja Indonesia yang berada sejak tahun 1978 sehingga tahun 1989 ialah seramai 17 peratus sahaja. Bilangan kedatangan pekerja asing secara

keseluruhan meningkat pada tahun 1992, iaitu 36 peratus bagi pekerja asing Bangladesh dan 30 peratus pekerja asing Indonesia.

**JADUAL C1:**

**KEDATANGAN KE MALAYSIA.**

TAHUN	BANGLADESH		INDONESIA	
	BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
1978 -1989	-	-	26	17.3
1990	2	3.6	33	22
1991	15	27.3	12	8
1992	20	36.4	45	30
1993	11	20	28	18.7
1994	7	12.7	6	4

b) Maklumat pekerja asing di negara asal.

Soalan soal-siasat bahagian kedua ialah mengenai maklumat yang di dapati dari pekerja asing semasa di tempat asal iaitu mengenai pekerjaan, pendapatan sendiri dan keluarga, perbelanjaan keluarga, dan kos migrasi.

Pekerja asing yang pernah bekerja di negara asal sebelum datang ke Malaysia (Jadual D), ialah seramai 49 peratus dari Bangladesh dan seramai 91 peratus dari Indonesia.

**JADUAL D:****PERNAH BEKERJA DI NEGARA ASAL?**

BEKERJA/ BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	27	49.1	136	90.7
Tidak	28	50.9	14	9.3
Jumlah	55	100	150	100

Oleh itu, andaian yang dibuat ialah mereka berhijrah adalah atas dasar untuk mendapatkan upah yang lebih lumayan bagi pekerja dari Indonesia. Manakala, buruh Bangladesh pula mungkin tiada pekerjaan di tempat asal. Berdasarkan dari petikan jadual 10 dari Pillai, 1992, perbezaan upah di dalam sektor pembinaan di antara Indonesia dan Malaysia ialah US15-23 sebulan berbanding US229 sebulan. Perbezaan dari segi upah adalah lebih 10 kali ganda lebih tinggi di Malaysia. Namun begitu, kebanyakan pekerja dari Bangladesh ramai pernah bekerja di negara asal di bahagian perkilangan, 11 peratus dan peladangan sebagai peladang, 9 peratus. Manakala pekerja dari Indonesia adalah majoritinya sebagai peladang iaitu seramai 37 peratus (lihat Jadual E). Kesimpulannya, lebih ramai bilangan pekerja asing Indonesia yang telah

bekerja di negara asal mereka sebelum berhijrah, berbanding pekerja asing Bangladesh.

**JADUAL E:**

**JENIS PEKERJAAN DI NEGARA ASAL**

JENIS/ BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Perkilangan	6	10.90	4	2.70
Peladang	5	9.10	56	37.30
Bengkel	3	5.50		
Guru	2	3.60	3	2.00
Jurujual	1	2.00		
Berniaga	2	3.60	9	6.00
Kerja pejabat	1	1.80		
Elektrician	2	3.60		
Kerja am	2	3.60		
Tukang			12	8.00
Kerani			6	4.00
Buruh kontrak			13	8.70
Pendawai			3	2.00
Jaga			3	2.00
Askar			1	0.70
Pembuat bot			1	0.70
Pemandu			19	12.70
Jumlah	24	44	130	87

Pendapatan sebulan di negara asal bagi pekerja asing Bangladesh adalah di antara RM 66-664, manakala pekerja asing Indonesia sebanyak

RM10-728<sup>18</sup>. Majoriti pendapatan mereka ialah di dalam lingkungan RM50 dan ke bawah bagi pekerja asing Bangladesh dan bagi pekerja asing Indonesia pula ialah di dalam lingkungan RM51 ke RM100 (jadual F). Oleh itu, purata pendapatan sebulan di negara asal bagi pekerja asing Bangladesh ialah RM 194 dan pekerja asing Indonesia ialah sebanyak RM 124.

**JADUAL F :**

**PENDAPATAN SEBULAN DI NEGARA ASAL DALAM RM**

RM / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
RM 50 dan ke bawah	29	52.7	30	20
RM 51 ke RM 100	7	12.7	53	35.3
RM 101 ke RM 150	2	3.6	48	32
RM 151 dan ke atas	17	30.9	19	12.7
Jumlah/Peratus	55	100	150	100

Pendapatan sebulan keluarga pekerja asing di negara asal ialah di antara RM74-RM4067 bagi Bangladesh dan RM52-RM2186 bagi

Indonesia. Oleh itu, purata pendapatan keluarga mereka sebulan ialah sebanyak RM618 bagi pekerja asing Bangladesh dan RM246 bagi pekerja asing Indonesia. Manakala perbelanjaan keluarga pekerja asing sebulan ialah di antara RM66-RM3402 bagi Bangladesh dan RM6-RM3748 bagi Indonesia. Majoriti perbelanjaan keluarga bagi kedua-dua bangsa pekerja asing ini ialah di dalam lingkungan RM51 ke RM200 (lihat jadual G). Oleh itu, purata perbelanjaan keluarga mereka di negara asal ialah RM466 bagi Bangladesh dan RM131 bagi Indonesia.

**JADUAL G:**

**PERBELANJAAN BULANAN KELUARGA DI NEGARA ASAL DALAM RM.**

RM/Bangsa	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Rm 50 dan ke bawah	1	1.8	13	8.7
RM 51 ke RM 200	16	29.1	125	83.3
RM201 ke RM 400	14	25.5	3	2.0
RM 401 ke RM 700	15	27.3	9	6.0
RM 701 dan ke atas	9	16.4	0	0.0
Jumlah/Peratus	55	100	150	100

<sup>18</sup> Kadar pertukaran wang adalah berdasarkan tahun 1997, petikan dari News Strait Times, 2/12/97 dari Maybank Rates bertarikh 1December, 1997 bagi Rm1 ialah 12.048 Taka Bangladesh dan 961.538 Rupiah Indonesia.

Mengenai kos pekerja asing untuk migrasi ke Malaysia pula, pekerja asing Bangladesh menampung kos di antara RM946- RM6225 dan pekerja asing Indonesia pula ialah di antara RM1- RM2082. Majoriti kos migrasi bagi pekerja asing Bangladesh ialah di dalam lingkungan RM3001 dan ke atas, manakala pekerja asing Indonesia pula di dalam lingkungan RM100 dan ke bawah (jadual H).

**JADUAL H:**

**KOS MIGRASI KE MALAYSIA**

RM / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
RM 100 dan ke bawah	0	0.0	138	92.0
RM101 ke RM 300	0	0.0	7	4.7
RM 301 ke RM 600	0	0.0	4	2.7
RM 601 ke RM 1500	3	5.5	1	0.7
RM 1501 ke RM 3000	15	27.3	0	0.0
RM 3001 dan ke atas	37	67.3	0	0.0
Jumlah/Peratus	55	100.0	150	100.0

Oleh itu, purata kos migrasi bagi pekerja asing Bangladesh ialah RM3608 dan RM78 bagi pekerja asing Indonesia. Walau bagaimanapun, fenomena jarak perpindahan juga perlu diambil kira kerana semakin jauh

berhijrah semakin tinggi kos yang perlu ditanggung. Jarak Bangladesh dengan Malaysia ialah sejauh lebih kurang 3,600 km dan jarak antara Indonesia ialah sejauh lebih kurang 1,200 km iaitu 3 kali lebih dekat dari Bangladesh ke Malaysia. Tambahan pula kos serta jenis pengangkutan yang digunakan bagi kedua-dua bangsa pekerja asing ini adalah berbeza sama sekali. Oleh itu, boleh dijelaskan kenapa kos pekerja asing Bangladesh lebih tinggi berbanding dengan pekerja asing dari Indonesia.

c) Pekerja asing semasa di Malaysia.

Dalam soalan soal-siasat bahagian yang terakhir ialah mengenai pekerja asing semasa di Malaysia iaitu tempoh mereka telah bekerja di Malaysia, taraf kemasukan pekerja asing, maklumat mengenai pekerjaan dan kadar upah di sini, pendapatan bulanan mereka, tempoh kerja lebih masa yang diambil, kiriman wang pulang dan dapatkah mereka menabung seperti yang dirancangkan.

Tempoh bekerja pekerja asing di Malaysia bagi pekerja Bangladesh ialah di antara 2- 42 bulan dan pekerja asing Indonesia dari 1 tahun ke 5 tahun. Majoriti tempoh kedua-dua bangsa pekerja asing ini bekerja di sini

ialah di antara 2 tahun dan ke bawah, iaitu 67 peratus bagi Bangladesh dan 53 peratus bagi Indonesia (jadual I).

**JADUAL I:**

**TEMPOH BEKERJA DI MALAYSIA**

TEMPOH / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
2 tahun dan ke bawah	37	67.3	80	53.3
3 tahun ke 4 tahun	18	32.7	43	28.7
5 tahun dan ke atas	0	0	27	18
Jumlah/Peratus	55	100	150	100

Jadual J di bawah, menunjukkan 80 peratus daripada responden pekerja asing Bangladesh dan 97 peratus daripada responden Indonesia adalah pekerja asing yang masuk secara rasmi. Walau bagaimanapun, kos migrasi pekerja asing Indonesia tidak menunjukkan bahawa mereka ini melalui cara yang betul kerana kos minimum mereka terlampau rendah. Oleh itu, peratusan masuk secara rasmi bagi pekerja asing Indonesia amat diragui.

**JADUAL J:****KEMASUKAN SECARA RASMI**

KONTRAK RASMI	BANGLADESH		INDONESIA	
	BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
YA	43	78.2	141	94
TIDAK	12	21.8	9	6
JUMLAH	55	100	150	100

Antara soalan yang ditujukan kepada para responden ialah samada kadar upah dan keadaan kerja di sini adalah seperti yang dijangkakan. Jawapan yang diberikan oleh pekerja Bangladesh seperti di dalam jadual K, kebanyakannya adalah tidak tahu, iaitu seramai 53 peratus, manakala jawapan tidak seperti yang dijangkakan, 29 peratus dan hanya 18 peratus sahaja yang sangkaan mereka dipenuhi. Andaian dari jawapan responden Bangladesh ini dapat disimpulkan bahawa kebanyakan dari mereka tidak berpengetahuan sempurna mengenai pasaran pekerjaan di Malaysia. Bagi responden pekerja asing dari Indonesia pula, lebih 31 peratus memberi jawapan seperti yang mereka jangkakan, 2 peratus tidak dan 67 peratus, tidak tahu. Oleh itu, kesimpulan yang dapat dibuat dari soalan ini ialah

pekerja asing kurang bermaklumat mengenai keadaan pasaran pekerjaan serta kadar upah di Malaysia.

**JADUAL K:**

**JANGKAAN MENGENAI UPAH DAN KERJA**

JANGKAAN	BANGLADESH		INDONESIA	
	BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
YA	29	52.7	46	30.7
TIDAK	16	29.1	3	2
TIDAK TAHU	10	18.2	101	67.3
JUMLAH	55	100	150	100

Upah yang pekerja asing Bangladesh terima adalah di antara RM338-RM3645 sebulan dan pekerja asing Indonesia menerima di antara RM180-RM1200 sebulan. Oleh itu, kadar purata upah yang diterima oleh pekerja asing Bangladesh sebulan ialah sebanyak RM595 dan pekerja asing Indonesia sebanyak RM743. Majoriti upah pekerja asing Bangladesh ialah di dalam lingkungan RM351- RM500 sebulan, manakala pekerja asing Indonesia pula ialah di dalam lingkungan RM501- RM750 sebulan (jadual K1 di bawah).

**JADUAL K1:****PENDAPATAN SEBULAN DI MALAYSIA**

RM / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Rm 350 dan ke bawah	3	5.5	16	10.1
RM 351 ke RM 500	33	60	2	1.3
RM 501 ke RM 750	11	20	79	53
RM 751 ke RM 1000	4	7.3	44	29.5
RM 1001 dan ke atas	4	7.3	9	6
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>	<b>150</b>	<b>100</b>

Kerja lebih masa pula, pekerja asing Bangladesh lebih lama mengambil kerja lebih masa iaitu di antara 3 - 20 jam sebulan berbanding dengan pekerja asing Indonesia iaitu di antara 2 - 12 jam sebulan. Dengan itu, purata kerja lebih masa bagi pekerja asing Bangladesh ialah selama 10 jam, RM29 sebulan dan pekerja asing Indonesia ialah selama 10 jam, RM46 sebulan. Kesimpulannya, bahawa jumlah keseluruhan pendapatan pekerja asing Indonesia adalah lebih tinggi daripada pekerja asing

Bangladesh. Ini mungkin di sebabkan oleh sektor pekerjaan mereka berbeza, maka upah yang diterima pun berbeza.

Perbelanjaan bulanan (jadual L dan L1) yang terlibat semasa pekerja asing berada di Malaysia ialah sewa, barang-barang keperluan, makanan, hiburan dan perubatan. Di dapati bahawa pekerja asing Bangladesh lebih cenderung berbelanja dari segi barang keperluan dan hiburan iaitu 93 peratus dan 86 peratus. Manakala, pekerja asing Indonesia yang pula, banyak berbelanja dalam makanan, 53 peratus. Bayaran sewa yang perlu ditanggung oleh mereka adalah di dalam lingkungan RM70-RM100 sebulan. Perbelanjaan terhadap barang-barang keperluan adalah di antara RM20-RM60.

Manakala perbelanjaan makanan pula, pekerja asing Bangladesh berbelanja di antara RM50-RM200 dan pekerja asing Indonesia di antara RM60-RM400. Dari segi makanan, pekerja asing Indonesia lebih cenderung berbelanja dari pekerja asing Bangladesh, ini mungkin kerana pekerja asing Indonesia mempunyai ramai ahli keluarga di sini. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang paling kurang ialah perubatan, hanya 29 peratus sahaja pekerja asing Bangladesh berbelanja untuk perubatan dan 3 peratus sahaja perbelanjaan dari segi perubatan oleh pekerja asing

Indonesia. Majoriti perbelanjaan bagi bangsa Bangladesh ialah di antara RM151-RM300 sebulan dan bangsa Indonesia pula ialah di antara RM301-RM450 sebulan.

**JADUAL L:**

**JUMLAH PERBELANJAAN DI MALAYSIA SEBULAN.**

RM / BANGSA	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
RM 150 dan ke bawah	5	9.1	15	10
RM 151 ke RM 300	38	69.1	27	18
RM 301 ke RM 450	6	10.9	74	49.3
RM 451 dan ke atas	6	10.9	34	22.7
Jumlah	55	100	150	100

**JADUAL L1:**

**PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM**

ITEM PERBELANJAAN	BANGLADESH	INDONESIA
	PERATUS	PERATUS
SEWA	38.2	20
BARANG KEPERLUAN	92.7	42.7
MAKANAN	100	96.7
HIBURAN	85.5	52.7
PERUBATAN	29.1	3.3
LAIN-LAIN	45.5	24

Seramai lebih kurang 80 peratus dari pekerja asing kedua-dua bangsa yang mengirimkan wang pulang. Manakala, antara sebab-sebab pekerja asing tidak menghantar wang pulang ialah kerana belum cukup wang, tidak perlu kerana keluarga sudah cukup duit, isteri dan anak ada di sini dan tiada siapa di negara asal. Anggaran kasar kiriman pulang mereka ialah di antara RM100-RM6000. Kekerapan penghantaran pulang adalah sebulan, dua bulan dan tiga bulan sekali iaitu 26 peratus, 22 peratus dan 20 peratus bagi pekerja asing Bangladesh, manakala 38 peratus, 25 peratus dan 25 peratus bagi pekerja asing Indonesia. Oleh itu, pekerja asing Indonesia lebih kerap menghantar wang pulang kepada keluarga berbanding pekerja asing Bangladesh. Lihat jadual M dan M1.

**JADUAL M:**

**KIRIMAN WANG PULANG**

	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	46	84	120	80
Tidak	9	16	30	20
Jumlah/Peratus	55	100	150	100

**JADUAL M1:****KEKERAPAN MENGIRIM WANG PULANG**

BULAN	BANGLADESH	INDONESIA
	PERATUS	PERATUS
1	26	38
2	22	25
3	20	25

Cadangan untuk menabung ialah di antara RM90-RM2500 bagi pekerja asing Bangladesh dan RM100-RM2000 bagi pekerja asing Indonesia. Namun begitu, hanya 6 peratus sahaja daripada pekerja asing Bangladesh ini yang memenuhi rancangan mereka untuk menabung tetapi lebih 78 peratus daripada pekerja asing Indonesia mampu menabung seperti yang dirancang (Jadual M2). Manakala, lebih 75 peratus dari pekerja asing yang tidak dapat menabung menyatakan bahawa sebab utama ialah gaji mereka rendah. Memandangkan pendapatan purata pekerja asing Indonesia lebih tinggi daripada pekerja asing Bangladesh, maka mereka lebih cenderung untuk menabung.

**JADUAL M2:**  
**KEBOLEHAN MENABUNG**

	BANGLADESH		INDONESIA	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	3	5.5	112	74.7
Tidak	52	94.5	38	25.3
Jumlah/Peratus	55	100	150	100

## 4.2 Analisa Data

### 4.2.1 Objektif.

Objektif analisis ini adalah untuk melihat kepelbagaiannya faktor-faktor kos-faedah yang mana membolehkan kita membezakan tempoh bekerja, tingkat pendapatan dan kos migrasi antara dua bangsa pekerja asing ini dari segi faktor kos-faedah. Di samping itu, tempoh pulang modal bagi pekerja asing dapat dianggarkan sebagai tujuan garis panduan untuk mengetahui berapa lama mereka harus bekerja di sini dan betapa banyaknya keuntungan yang mereka terima bagi pihak sendiri dan amnya negara penerima. Pulangan yang baik bagi pekerja asing ini di lihat dari

pendapatan, cadangan tabungan, kiriman wang pulang, bidang pekerjaan yang memberi upah yang berpatutan dan kecenderungan mereka yang akan lebih lama tinggal bekerja di Malaysia.

#### **4.2.2 Hipotesis**

Hipotesis yang dirangka ialah:

- 1) Tingkat pendapatan pekerja asing tiada kaitan dengan tempoh lama bekerja di Malaysia.
- 2) Tempoh bekerja tiada kaitan dengan kos migrasi.
- 3) Tempoh bekerja tiada kaitan dengan perbelanjaan bulanan pekerja asing.
- 4) Ciri pekerja asing yang cenderung untuk lama bekerja di Malaysia lebih bergantung kepada faktor kewangan kos-faedah berbanding dengan faktor latar belakang.
- 5) Dari faktor kewangan kos-faedah, faktor kewangan kos lebih penting dari faktor kewangan faedah dalam menentukan samada pekerja asing itu akan lebih lama bekerja di Malaysia.

6) Pekerja asing dari Indonesia berkecenderungan untuk lebih lama bekerja di Malaysia berbanding pekerja asing dari Bangladesh.

#### **4.2.3 Metodologi analisis.**

Model asas yang digunakan sebagai rujukan ialah model yang dihasilkan oleh Sjaastad. Model kos-faedah ini hanya menilai faktor dalam bentuk kewangan. Faktor-faktor yang terlibat ialah kos migrasi bagi mewakili faktor kos, dan pendapatan yang diterima di negara yang dituju ialah sebagai faktor faedah kepada pekerja asing. Model tersebut adalah seperti di bawah:

$$\sum_{i=1}^N \{(Y_{ti} - Y_{ai}) / (1 + r)^i\} - K > 0,$$

di mana,

$Y_{ti}$  ialah pendapatan yang ke  $i$  tahun di negara dituju;

$Y_{ai}$  ialah pendapatan yang ke  $i$  tahun di negara asal;

$K$  ialah kos berhijrah;

$N$  ialah jumlah bilangan tahun pulangan masa

hadapan dijangkakan;

r ialah kadar bunga untuk mendiskaun pendapatan masa hadapan.

Walau bagaimanapun bagi menganalisis hipotesis yang pertama, kedua, dan ketiga iaitu untuk melihat kecenderungan dan kepentingan pendapatan, kos migrasi, dan perbelanjaan bulanan dengan tempoh bekerja, analisis Chi-square digunakan. Analisis Chi-square menerangkan samada kedua-dua faktor tersebut mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain.

Bagi hipotesis yang keenam cara analisis yang digunakan ialah “Break-even point” atau analisis titik pulang-modal. Analisis ini adalah untuk mencari tempoh bekerja pulang modal bagi pekerja asing dengan menggunakan kos migrasi, perbelanjaan dan pendapatan pekerja asing bagi memaksimumkan keuntungan mereka berhijrah ke Malaysia. Cara pengiraannya ialah purata perbelanjaan sebulan ditolak dari purata pendapatan pekerja asing sebulan semasa berada di Malaysia dan kemudian di bahagi dengan purata kos migrasi. Dari keputusan ini, dapat

dibandingkan tempoh pulang modal bekerja antara dua bangsa pekerja asing ini.

Bagi menganalisis hipotesis yang keempat dan kelima, model regresi digunakan. Persamaan ini adalah berasaskan dari model Sjaastad di atas. Regresi ini adalah di antara pembolehubah bersandar iaitu tempoh bekerja, W, dengan pembolehubah tidak bersandar faktor kewangan kos-faedah dan faktor peribadi atau latar belakang pekerja asing. Faktor-faktor yang digunakan dalam persamaan kos-faedah ini ialah faktor yang boleh di nilai dengan wang (monetary factor) dan faktor bukan wang (non-monetary factor). Pembolehubah-pembolehubah bagi faktor nilai wang atau kewangan kos-faedah ada empat semuanya, iaitu ia termasuk pendapatan semasa di Malaysia, perbelanjaan sebulan semasa di Malaysia, kos migrasi, dan tabungan yang dirancang. Pembolehubah-pembolehubah faktor latar belakang bukan kewangan pula ada tiga, iaitu umur, taraf pendidikan, dan kemahiran. Dan satu faktor latar belakang kewangan , iaitu perbelanjaan keluarga sebulan di negara asal.

Pembolehubah pendapatan dan pembolehubah perbelanjaan sebulan di Malaysia adalah perlu untuk melihat corak penggunaan dan agihan wang pekerja asing semasa di Malaysia. Di samping itu kos migrasi pula

perlu, bagi melihat kos minimum untuk mereka berhijrah. Cadangan jumlah untuk menabung juga di ambil sebagai pembolehubah, ini adalah untuk menilai sejauh mana kaitan antara penabungan dengan tempoh lama bekerja di Malaysia. Tambahan pula, menabung adalah dianggap sebagai satu faedah atau keuntungan bagi pekerja asing yang bekerja di sini.

Pembolehubah-pembolehubah bagi faktor latar belakang ialah perbelanjaan keluarga di negara asal, umur, taraf pendidikan dan kemahiran. Tujuan faktor ini dimasukkan ialah bagi membuat perbandingan antara faktor kos-faedah dan faktor latar belakang dalam mempengaruhi keputusan tempoh bekerja pekerja asing. Pembolehubah pendapatan keluarga tidak dimasukkan di dalam persamaan ini kerana kesannya terhadap model adalah tidak signifikan, maka ia dikeluarkan.

Persamaan kos-faedah yang telah disesuaikan dengan data yang diambil dan faktor-faktor yang di ambil kira ialah seperti berikut :

$$b_1Y_m + b_2K_m + b_3E_m + b_4U + b_5E_f + b_6T + b_7S + b_8E_d > 0$$

$Y_m$  = pendapatan di Malaysia;

$K_m$  = kos migrasi;

$Em$  = perbelanjaan di Malaysia;

$U$  = umur ;

$Ef$ = perbelanjaan keluarga sebulan di negara asal;

$T$ = Jumlah cadangan tabungan;

$S$ = kemahiran;

$Ed$ = taraf pendidikan.

$b_1, b_2, b_3, \dots$  adalah konstan.

Persamaan kos-faedah ini boleh digunakan dalam bentuk regresi berganda dengan mengantikan ketidaksamaan dengan persamaan, iaitu boleh ditunjukkan bersamaan dengan pembolehubah tempoh bekerja,  $W$ , seperti di bawah.

$$W = a + b_1 Y_m + b_2 K_m + b_3 E_m + b_4 U + b_5 E_f + b_6 T + b_7 S + b_8 E_d$$

#### **4.2.4 Hasil kajian.**

Keputusan dari regresi berganda ditunjukkan di dalam jadual 2 di bawah. Regresi parameter  $\beta$  (Beta) memberi indikasi sumbangan relatif pembolehubah bagi menerangkan tempoh bekerja pekerja asing. Parameter  $b_i$ , pula memberi ukuran kepada kesan pembolehubah terhadap

kebarangkalian pekerja asing yang diterangkan oleh pembolehubah itu dalam menentukan tempoh bekerja di Malaysia.

### **JADUAL 2:**

**Anggaran parameter bagi model faktor kos-faedah dan faktor latar belakang.**

Pembolehubah dalam persamaan/Parameter	bi	se (bi)	Beta ( $\beta$ )
		Bangladesh	
Perbelanjaan keluarga sebulan di negara asal	3.2E-04	2.0E-04	0.18
Kos migrasi	(3.5E-04)	7.1E-05	(0.57)
Cadangan tabungan	(1.9E-05)	1.3E-05	(0.17)
Pendapatan sebulan di Malaysia	0.002	0.002	0.07
Umur	0.30	0.28	0.11
Perbelanjaan sebulan di Malaysia	0.008	0.01	0.10
Kemahiran	(0.65)	0.52	(0.14)
Taraf pendidikan	(0.34)	1.04	(0.04)
Konstan	27.9	9.98	
		Indonesia	
Perbelanjaan keluarga sebulan di negara asal	7.2E-06	2.0E-06	0.30
Kos migrasi	1.9E-07	2.75	0.01
Cadangan tabungan	(2.2E-04)	7.6E-04	(0.02)
Pendapatan sebulan di Malaysia	(1.1E-04)	0.002	(0.01)
Umur	0.12	0.06	0.18
Perbelanjaan sebulan di Malaysia	(0.003)	0.002	(0.13)
Kemahiran	0.76	0.58	0.11
Taraf pendidikan	(0.80)	0.30	(0.02)
Konstan	(1.82)	2.62	

Kedua-dua set model pekerja asing memberi sumbangan yang bererti kepada kesesuaian model regresi. Pertama, kita lihat model regresi dari set data responden Bangladesh. Pembolehubah yang memberi kebarangkalian yang paling tinggi bagi responden Bangladesh kepada tempoh bekerja, W, ialah kemahiran, S, iaitu faktor latar belakang. Sekiranya dilihat dari segi sumbangan relatifnya terhadap model ini, ia juga menunjukkan indikasi yang agak tinggi berbanding dengan pembolehubah umur. Kaitan di antara tempoh bekerja dengan kemahiran adalah songsang, ini bermakna pekerja asing yang mempunyai kemahiran yang tinggi akan lebih cepat pulang ke negara asal. Ini mungkin di sebabkan oleh kebanyakan responden yang datang adalah bekerja di dalam sektor yang tidak memerlukan kemahiran seperti sektor perkilangan, sebagai buruh. Maka, yang berkemahiran merasakan pembaziran sekiranya mereka lama bekerja di dalam bidang yang tidak setaraf dengan kelayakannya.

Manakala sumbangan relatif yang memberi kesan tertinggi dan yang paling signifikan terhadap model ialah pembolehubah kos migrasi, Km, dan diikuti oleh pembolehubah perbelanjaan keluarga di negara asal, Ef, iaitu faktor kewangan kos dan faktor kewangan latar belakang

secara relatifnya. Tetapi kebarangkalian pembolehubah-pembolehubah ini untuk tempoh bekerja adalah terlalu kecil. Namun begitu, kos migrasi begitu signifikan terhadap pekerja asing Bangladesh, mungkin kerana jarak perjalanan mereka yang jauh dan memerlukan kos yang tinggi. Kesan signifikan perbelanjaan keluarga pula memainkan peranan penting terhadap keputusan pekerja asing Bangladesh dalam tempoh bekerja, ini boleh dilihat dari segi status perkahwinan responden yang mana kebanyakan mereka masih bujang iaitu melebihi 78 peratus dari data. Maka tanggungjawab mereka masih besar terhadap keluarga dan mungkin juga menjadi harapan keluarga untuk membaiki taraf hidup mereka di negara asal.

Kesan pembolehubah yang ke tiga pentingnya terhadap model ini ialah cadangan tabungan, T, iaitu dari faktor faedah. Gabungan kesan pendapatan sebulan, perbelanjaan pekerja asing sebulan, umur dan perbelanjaan keluarga di negara asal belum mencukupi untuk mengatasi kos migrasi yang tinggi yang berkadar songsang. Manakala kesan pendapatan pekerja asing sebulan terhadap tempoh bekerja pula adalah kecil dibandingkan dengan perbelanjaan pekerja asing sebulan, Em dan umur, U. Kesan taraf pendidikan pula adalah yang terkecil . Maka dapat

dilihat di sini bahawa antara empat pembolehubah yang mempunyai kesan signifikan yang besar berbanding yang lain terhadap model adalah terdiri dari dua faktor latar belakang, dan dua faktor kos-faedah. Didapati juga bahawa pengaruh perbelanjaan keluarga dari faktor latar belakang memberi kesan yang lebih besar berbanding dengan pendapatan dan perbelanjaan pekerja asing di Malaysia, iaitu dari faktor faedah dan kos.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa walaupun dua dari faktor latar belakang mempunyai kesan yang signifikan terhadap tempoh bekerja tetapi kesan faktor kos-faedah adalah lebih besar mempengaruhi sampel model berbanding faktor latar belakang ini. Kesan relatif faktor kos-faedah ini juga dapat dilihat dari variasi keterangan, R berganda, dalam menerangkan tempoh bekerja iaitu sebanyak 47.8 peratus berbanding kesan kenaikan dari variasi model bila dimasukkan faktor latarbelakang yang cuma menerangkan pembolehubah bersandar, tempoh bekerja, sebanyak 6.1 peratus. Oleh itu, ini menunjukkan model tempoh bekerja dari set data Bangladesh menerangkan bahawa faktor kos-faedah lebih penting dari faktor latar belakang. Ini menyokong hipotesis keempat,

yang menyatakan bahawa keputusan untuk tempoh bekerja adalah lebih bergantung kepada faktor kos-faedah daripada faktor latar belakang.

Bagi hipotesis kelima pula, yang menyatakan bahawa dari faktor kewangan kos-faedah, faktor kos adalah lebih penting dari faktor faedah dalam menerangkan tempoh bekerja pekerja asing. Ini dapat dilihat dari indikasi kesan sumbangan relatif pembolehubah kos dan faedah dari jadual 2, yang menunjukkan bahawa kesan signifikan pembolehubah kos iaitu kos migrasi, (0.57) dan perbelanjaan pekerja asing sebulan di Malaysia, 0.10 adalah lebih besar berbanding dengan kesan signifikan pembolehubah faedah, iaitu pendapatan pekerja asing sebulan di Malaysia, 0.07 dan cadangan tabungan, 0.17. Tambahan pula, analisis dari variasi penerangan terhadap tempoh bekerja, W, pula, faktor kos menerangkan variasi sebanyak 45.8 peratus berbanding dengan variasi yang diterangkan oleh faktor faedah sebanyak hanya 2 peratus sahaja. Oleh itu, model set data responden Bangladesh ini juga menyokong hipotesis ini, dengan memihak kepada faktor kewangan kos-faedah, yang mana faktor kos lebih penting dalam menerangkan model, dari faktor faedahnya. Maka kesimpulannya, data set responden Bangladesh menyokong hipotesis keempat dan kelima.

Kedua, kita lihat model regresi dari set data responden Indonesia. Kebarangkalian pembolehubah yang paling tinggi ialah kemahiran, diikuti oleh umur dan kemudian taraf pendidikan. Tetapi relatif sumbangan kepentingan pembolehubah taraf pendidikan terhadap model adalah kecil dan memberi kesan negatif. Ini dapat dilihat bahawa taraf pendidikan pekerja asing kebanyakannya adalah di peringkat rendah iaitu 50 peratus, maka semakin rendah taraf pendidikan dan semakin mahir dalam sesuatu pekerjaan itu semakin lama mereka akan bekerja di sini. Pekerja buruh di Malaysia memang terdiri dari pekerja yang berpendidikan rendah dan dari segi kemahiran pula, mereka akan menimba pengalaman semasa bekerja di sini.

Kesan pembolehubah yang paling penting ialah perbelanjaan keluarga di negara asal tetapi kebarangkalian bagi pekerja asing ini untuk lebih lama bekerja terlalu kecil. Walau bagaimanapun, daripada sampel, pembolehubah ini memainkan peranan yang penting di dalam pembinaan model bagi tempoh bekerja. Oleh itu, perbelanjaan keluarga adalah penting dalam keputusan untuk tempoh bekerja mereka di Malaysia sebab lebih 70 peratus dari pekerja asing ini masih bujang.

Umur dan perbelanjaan bulanan pekerja asing di Malaysia juga memberi kesan yang penting terhadap sampel. Lebih 70 peratus dari pekerja asing adalah di bawah umur 29 tahun dan umur memberi kesan positif terhadap model. Tetapi pendapatan dan perbelanjaan sebulan di Malaysia pula memberi kesan negatif. Ini bermakna bagi pekerja asing Indonesia, pendapatan yang tinggi membolehkan mereka berbelanja tinggi dan mereka tetap akan pulang ke negara asal dengan umur yang masih muda.

Kos migrasi pula memberi kesan yang kecil terhadap menerangkan tempoh bekerja. Ini mungkin di sebabkan oleh kos migrasi pekerja asing terlalu kecil maka ia boleh diimbangi oleh kesan negatif dari pendapatan mereka sebulan. Cadangan menabung memberi kesan yang lebih tinggi daripada pendapatan dan kos migrasi.

Oleh itu, bagi hipotesis yang keempat, model set data responden Indonesia ini membuktikan bahawa faktor latar belakang lebih menerangkan model dari faktor kos-faedah. Pembolehubah-pembolehubah faktor latar belakang yang memberi kesan signifikan ialah perbelanjaan keluarga di negara asal, umur, dan kemahiran. Manakala, pembolehubah faktor kos-faedah yang mempunyai kesan

yang agak signifikan hanyalah perbelanjaan sebulan pekerja asing di Malaysia, yang mana adalah kecil berbanding dengan faktor latar belakang.

Sekiranya dilihat dari segi variasi yang diterangkan oleh model iaitu dari R berganda, variasi yang diterangkan oleh faktor kos-faedah ialah sebanyak 2.7 peratus dan apabila faktor latar belakang ditambah ke dalam model, sumbangannya sebanyak 12.5 peratus ditambah dalam menerangkan model. Oleh itu, faktor latar belakang adalah lebih penting dari faktor kos-faedah bagi menerangkan model set data responden Indonesia, maka hipotesis keempat ini ditolak.

Walau bagaimanapun, data set responden Indonesia ini menyokong hipotesis kelima iaitu dari faktor kewangan kos-faedah, faktor kos adalah lebih penting berbanding dengan faktor faedah. Ini dapat dilihat, pertama dari variasi penerangan model iaitu faktor kos menerangkan sebanyak 1.9 peratus manakala faktor kos sebanyak 0.9 peratus. Keduanya, dari jadual 2, kesan signifikan faktor kos iaitu perbelanjaan sebulan ialah, (0.13), dan kos migrasi, 0.006 adalah lebih besar dari kesan signifikan faktor faedah iaitu pendapatan sebulan, (0.006) dan cadangan menabung, (0.02).

Seterusnya, (lihat Jadual N) analisis titik pulang modal digunakan bagi membuat kesimpulan mengenai hipotesis keenam iaitu pekerja asing Indonesia lebih cenderung untuk lebih lama bekerja di Malaysia berbanding pekerja asing Bangladesh. Sekiranya dilihat dari hasil analisis ini, tempoh pulang modal bagi pekerja asing Bangladesh ialah selama lebih kurang 12 bulan. Tetapi bagi pekerja asing Indonesia pula tempoh pulang modal mereka hanya lebih kurang 1.5 bulan sahaja. Ini dapat diterangkan dari segi perbezaan kos migrasi yang begitu ketara di antara dua bangsa pekerja asing ini, yang mana kos migrasi Bangladesh adalah tiga kali lebih tinggi berbanding Indonesia serta pendapatan sebulan pekerja asing Bangladesh adalah lebih rendah berbanding Indonesia. Oleh itu, pekerja asing Bangladesh akan lebih cenderung untuk bekerja lebih lama di sini berbanding pekerja asing Indonesia. Kesimpulan analisis ini menolak hipotesis keenam.

**JADUAL N:**

**PENGIRAAAN TEMPOH PULANG MODAL**

**INDONESIA**

	<b>Terendah</b>	<b>Purata</b>	<b>Tertinggi</b>
Pendapatan Bulanan (RM)	180	745	1,200
Pembelanjaan Bulanan (RM)	80	388	650
Perolehan Bersih (RM)	100	357	550
Peratusan	55.56%	47.92%	45.83%
Kos Penghijrahan(RM)	1	525	832
Pembayaran balik (bulan)	0.01	1.47	1.51

**BANGLADESH**

	<b>Terendah</b>	<b>Purata</b>	<b>Tertinggi</b>
Pendapatan Bulanan (RM)	338	595	3,645
Pembelanjaan Bulanan (RM)	120	270	700
Perolehan Bersih (RM)	218	325	2,945
Peratusan	64.50%	54.66%	80.80%
Kos Penghijrahan(RM)	946	3,900	6,225
Pembayaran balik (bulan)	4.34	11.99	2.11

Namun begitu, data soal siasat responden pekerja asing menyokong hipotesis keenam, iaitu pekerja asing Indonesia lebih cenderung untuk bekerja lebih lama di sini, kerana didapati bahawa pekerja asing Indonesia ada lebih kurang 18 peratus yang telah bekerja di Malaysia dalam katogeri 5 tahun dan ke atas, tetapi pekerja asing Bangladesh hanya terdapat di dalam kategori 4 tahun dan ke bawah. Oleh itu, boleh disimpulkan di sini bahawa, walaupun tempoh pulang modal pekerja asing Indonesia hanya selama 1.5 bulan sahaja tetapi mereka masih tinggal atau bekerja lebih lama dari itu, sampai ke tahap 5 tahun dan ke atas. Maka, bagi menjawab hipotesis keenam ini, ia amatlah bergantung kepada personaliti bangsa pekerja asing itu dan tujuan mereka migrasi ke sini, samada untuk bekerja dan pulang, atau untuk bekerja dan terus menetap di sini.

Bagi pekerja asing Indonesia, kecenderungan mereka untuk bekerja atau menetap lebih lama di Malaysia dapat dilihat dari segi pendapatan yang lebih lumayan, penabungan yang lebih banyak, budaya kehidupan yang lebih kurang sama, dan bilangan mereka yang ramai di Malaysia. Semua ini menjadi mangkin kepada mereka untuk terus menetap di sini atau lebih lama bekerja di sini.

Analisis seterusnya adalah menggunakan analisis Chi-square bagi meneliti hipotesis yang pertama, kedua dan ketiga iaitu tingkat pendapatan pekerja asing tiada kaitan dengan tempoh lama bekerja di Malaysia dan yang kedua, tempoh bekerja tiada kaitan dengan kos migrasi pekerja asing dan yang ketiga tempoh bekerja tidak berkaitan dengan perbelanjaan bulanan pekerja asing. Analisis Chi-square dari kedua-dua set data responden Bangladesh dan Indonesia menunjukkan bahawa hubungan antara pendapatan pekerja asing di Malaysia tidak berkaitan atau tidak bersandar kepada tempoh bekerja. Kesan antara dua pembolehubah ini adalah tidak signifikan pada tahap kebebasan 0.05 peratus. Justifikasi dari analisis ini ialah, maklumat mengenai pekerjaan dan upah adalah tidak sempurna, maka setiap pekerja asing tidak mempunyai satu anggaran upah bagi pekerjaan yang akan diterima kelak. Maka, berapa sahaja upah yang ditetapkan oleh majikan akan diterima mereka.

Tambahan pula, dari soalan soal-siasat didapati bahawa lebih daripada 50 peratus dari pekerja asing ini tidak tahu apa pekerjaan yang akan dilakukan dan berapa upah yang akan diterima. Oleh itu, hipotesis pertama adalah di sokong oleh kedua-dua set data model pekerja asing, iaitu tiada hubungan antara pendapatan dan tempoh bekerja.

Bagi hipotesis kedua pula, kedua-dua model memberi jawapan yang berlainan. Set data responden Bangladesh menunjukkan bahawa kos migrasi dan tempoh bekerja bersandar di antara satu sama lain iaitu berkaitan. Dan analisis Chi-square adalah signifikan pada tahap kebebasan 0.05 peratus. Justifikasi dari analisis ini ialah disebabkan oleh kos migrasi yang tinggi, maka kecenderungan pekerja asing Bangladesh untuk lebih lama bekerja di sini adalah berasas. Tetapi walau bagaimanapun, paling lama pekerja asing Bangladesh ini akan bekerja di sini ialah setakat 4 tahun sahaja. Oleh itu, set data Bangladesh menolak hipotesis kedua yang menyatakan bahawa tempoh bekerja dengan kos migrasi tiada kaitan.

Tetapi set data Indonesia menyokong hipotesis kedua, iaitu dari analisis Chi-square ini menunjukkan, tempoh bekerja dan kos migrasi tidak bersandar antara satu sama lain, kerana di dapati kesannya adalah tidak signifikan pada tahap kebebasan 0.05 peratus. Ini juga boleh dilihat dari kos migrasi Indonesia yang kecil berbanding dengan upah yang diterima. Oleh itu, set data responden Indonesia menyokong hipotesis kedua yang menyatakan bahawa tempoh bekerja tiada kaitan dengan kos migrasi.

Bagi hipotesis ketiga pula, keputusan analisis Chi-square bagi kedua-dua set data pekerja asing ini tidak menyokong hipotesis ini, iaitu yang menyatakan bahawa perbelanjaan bulanan pekerja asing semasa di Malaysia tidak mempunyai kaitan dengan tempoh bekerja pekerja asing. Ini adalah kerana didapati bahawa tempoh yang penting dalam mempengaruhi keputusan pekerja asing adalah di antara 4 tahun dan ke bawah, dan perbelanjaan bulanan yang signifikan ialah di antara RM300 dan ke atas.

Kesimpulannya ialah, tempoh bekerja dipengaruhi oleh perbelanjaan bulanan pekerja asing kedua-dua bangsa dan kos migrasi bagi pekerja asing Bangladesh sahaja, tetapi tidak bagi pekerja asing Indonesia. Sementara itu, faktor kos pekerja asing kedua-dua bangsa adalah lebih penting dari faktor faedah mereka dalam mempengaruhi tempoh bekerja. Dan akhir sekali, faktor kos-faedah bagi pekerja Bangladesh dan faktor latar belakang bagi pekerja Indonesia, mempengaruhi tempoh bekerja, tetapi tidak sebaliknya.

#### **4.2.5 Penilaian dari model.**

Model ini boleh dinilai tentang keberkesanannya di dalam menerangkan tempoh bekerja dengan dua cara: Pertama, jumlah variasi yang dapat diterangkan dari model, iaitu 53.9 peratus bagi model Bangladesh dan 15.3 peratus bagi model Indonesia, peratusan variasi penerangan bagi kedua-dua model ini tidak begitu tinggi. Tetapi model set data Bangladesh adalah lebih baik dari Indonesia. Ukuran yang kedua, ialah dari segi pembolehubah-pembolehubah yang digunakan adalah tidak bersandar.

- 1) Pembolehubah-pembolehubah di dalam model ini tidak bergantung pada satu sama lain.

Di dalam model ini terdapat lapan pembolehubah yang mempunyai kesan tidak bersandar yang penting terhadap tempoh bekerja di Malaysia iaitu kos migrasi, perbelanjaan sebulan pekerja asing di Malaysia, pendapatan sebulan pekerja asing di Malaysia, perbelanjaan keluarga di negara asal, umur, taraf pendidikan, kemahiran, dan cadangan tabungan pekerja asing. Matriks interkorelasi antara pembolehubah-pembolehubah ini dapat di tunjukkan di dalam jadual 3 di bawah.

**JADUAL 3**  
**INTERKORELASI ANTARA PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH FAKTOR KOS-FAEDAH DAN LATAR BELAKANG**

**BANGLADESH**

	Umur	Taraf Pendidikan	Kemahiran	Kos Migrasi	Perbelanjaan Sebulan	Pendapatan Sebulan	Cadangan Tabungan	Tempoh Bekerja
Perbelanjaan keluarga	(0.12)	0.31	(0.20)	(0.25)	0.20	0.08	0.29	0.31
Umur		(0.06)	0.12	(0.04)	(0.13)	(0.15)	(0.19)	0.11
Taraf pendidikan			0.18	(0.20)	0.35	0.05	0.16	0.11
Kemahiran				0.06	(0.09)	0.17	(0.14)	(0.18)
Kos migrasi					(0.44)	0.06	0.08	(0.68)
Perbelanjaan sebulan						0.07	0.13	0.36
Pendapatan sebulan							0.18	(0.01)
Cadangan tabungan								(0.14)

**INDONESIA**

	Umur	Taraf Pendidikan	Kemahiran	Kos Migrasi	Perbelanjaan Sebulan	Pendapatan Sebulan	Cadangan Tabungan	Tempoh Bekerja
Perbelanjaan keluarga	(0.14)	(0.08)	0.00	(0.03)	(0.04)	0.07	(0.05)	0.18
Umur		0.05	0.01	(0.08)	(0.02)	0.00	0.07	(0.04)
Taraf pendidikan			(0.02)	(0.01)	0.13	0.08	(0.03)	0.07
Kemahiran				(0.05)	(0.12)	(0.14)	0.06	0.31
Kos migrasi					(0.04)	0.04	0.04	(0.01)
Perbelanjaan sebulan						0.41	0.24	(0.17)
Pendapatan sebulan							0.05	(0.08)
Cadangan tabungan								(0.05)

Didapati bahawa kebanyakan dari pembolehubah set data pekerja asing Bangladesh ini kurang cenderung berkorelasi dengan tempoh bekerja. Korelasi tertinggi, (0.44) ialah di antara perbelanjaan pekerja

asing di Malaysia dengan kos migrasi. Ini mungkin di sebabkan oleh kos migrasi pekerja asing Bangladesh adalah tinggi, maka perbelanjaan mereka semasa di Malaysia seharusnya lah lebih berjimat. Korelasi kedua tertinggi, 0.35, iaitu di antara perbelanjaan pekerja asing dengan taraf pendidikan. Ini pula mungkin di sebabkan oleh andaian bahawa semakin berpelajaran, semakin tinggi citarasa, maka semakin banyak berbelanja. Dari segi peratusan, pekerja asing Bangladesh yang berpelajaran sekolah menengah tinggi dan institut pengajian tinggi ialah seramai 38 peratus, maka tidak hairanlah sekiranya korelasi antara dua pembolehubah ini tinggi. Begitu juga dengan korelasi di antara perbelanjaan keluarga dan taraf pendidikan, 0.31 ini adalah antara yang tertinggi. Sekali lagi dapat dikaitkan dengan taraf kehidupan dan taraf pendidikan yang selalunya adalah selari.

Nilai korelasi pembolehubah yang lain adalah kurang dari 0.30. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa pembolehubah-pembolehubah dari data set pekerja asing Bangladesh di dalam model ini adalah boleh diterima sebagai tidak bersandar di antara satu sama lain.

Sementara itu, dari set data pekerja asing Indonesia, di dapati bahawa kebanyakan dari pembolehubah-pembolehubah ini juga kurang cenderung

berkorelasi dengan tempoh bekerja. Korelasi paling tinggi ialah di antara pendapatan dengan perbelanjaan sebulan, iaitu 0.41. Ini boleh dikaitkan dengan semakin tinggi pendapatan semakin tinggi perbelanjaan. Tambahan pula, pekerja asing Indonesia mempunyai perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding Bangladesh, ini mungkin di sebabkan kebanyakan dari pekerja asing Indonesia ini mempunyai keluarga dan saudara-mara di sini. Korelasi yang kedua tertinggi, 0.24, ialah di antara cadangan tabungan dengan perbelanjaan sebulan. Manakala korelasi pembolehubah yang lain mempunyai nilai yang kurang dari 0.15. Maka, boleh disimpulkan di sini bahawa pembolehubah-pembolehubah bagi set data pekerja asing Indonesia boleh juga diterima sebagai tidak bersandar di antara satu sama lain.

Oleh itu, kesimpulan yang boleh dibuat ialah model ini lebih berjaya menerangkan set data pekerja asing Bangladesh berbanding Indonesia kerana variasi penerangan model bagi Bangladesh jauh lebih tinggi dari Indonesia. Selain itu, model ini juga berjaya dalam menerangkan mengenai kepentingan faktor kewangan kos. Ini dapat dilihat dari kaitan di antara kos migrasi, pendapatan bulanan dengan pekerja asing dan tempoh bekerja.

#### **4.2.6 Perbandingan di antara dua bangsa pekerja asing di Malaysia.**

Perbandingan yang dibuat ialah di antara perbezaan dan persamaan pekerja asing. Dari segi perbezaan, yang begitu ketara ialah faktor kos, ia lebih mempengaruhi pekerja asing Bangladesh berbanding pekerja asing Indonesia. Faktor kos tersebut ialah kos migrasi pekerja asing, yang mana pekerja asing Bangladesh terpaksa menampung tiga kali ganda kos dari pekerja asing Indonesia.

Keduanya ialah dari segi penabungan, di dapati bahawa pekerja asing Indonesia lebih banyak menabung dari pekerja asing Bangladesh. Ini adalah disebabkan oleh pendapatan pekerja asing Indonesia secara puratanya, mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada pekerja asing Bangladesh. Tambahan daripada itu, perbezaan pendapatan ini boleh dikaitkan dengan jenis sektor pekerjaan yang mereka ceburi. Secara kasarnya upah bagi sektor pembinaan adalah lebih tinggi berbanding upah dari sektor perkilangan. Oleh kerana lebih 90 peratus dari pekerja asing Bangladesh ini bekerja di dalam sektor perkilangan dan 60 peratus dari pekerja asing Indonesia di dalam sektor pembinaan maka perbezaan ini dapat direalisasikan.

Dari segi perbelanjaan bulanan, pekerja asing Bangladesh lebih berbelanja dalam hiburan, manakala pekerja asing Indonesia pula lebih berbelanja dalam makanan. Oleh itu, secara umumnya personaliti antara dua bangsa ini berbeza.

Perbezaan dalam tujuan migrasi boleh di andaikan dari corak latar belakang pekerjaan di negara asal, dan dari segi faktor yang mempengaruhi tempoh mereka bekerja di sini. Pekerja asing Bangladesh dapat di andaikan mempunyai tujuan utama untuk mencari pekerjaan kerana kebanyakannya mereka sebelum migrasi ke sini, tidak bekerja dan faktor yang mempengaruhi tempoh bekerja adalah faktor kos-faedah. Manakala, pekerja asing Indonesia pula ramai yang telah bekerja di negara asal dan faktor yang kuat mempengaruhi tempoh bekerja ialah faktor latar belakang. Jadi, dapat di andaikan bahawa pekerja asing Indonesia ke sini adalah untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Oleh itu, kecenderungan untuk sebahagian darinya menetap di sini adalah kuat. Tambahan pula, dari segi budaya dan adat resam adalah lebih kurang sama kerana Malaysia dan Indonesia berada di dalam Kepulauan Melayu Aceh.

Dari segi persamaan antara dua bangsa pekerja asing ini pula ialah, keputusan untuk bekerja lebih lama di sini tidak dipengaruhi oleh pendapatan bulanan mereka. Tetapi lebih kepada perbelanjaan keluarga mereka di negara asal dan perbelanjaan bulanan mereka semasa di Malaysia. Ini dapat dilihat dari keputusan model regresi dari segi signifikannya pembolehubah ini mempengaruhi model.

Keduanya ialah dari segi maklumat mengenai pasaran pekerjaan dan upah di Malaysia. Didapati bahawa pekerja asing kurang bermaklumat mengenainya, kerana lebih dari 50 peratus daripada mereka memberi jawapan tidak tahu apa yang hendak dijangkakan terhadap soalan soal-siasat mengenai maklumat pasaran.

Ketiga, pekerja asing bagi kedua-dua bangsa ini lebih cenderung untuk bekerja lebih lama daripada tempoh pulang modal mereka di sini. Oleh itu, faedah bagi pekerja asing yang bekerja di sini adalah lebih besar daripada kos mereka datang ke sini.

Akhir sekali, taraf pendidikan bagi kedua-dua bangsa pekerja asing ini majoritinya di tahap sekolah rendah, iaitu 39 peratus bagi Bangladesh dan 46 peratus bagi Indonesia.